

20 MAY 2002

Megat-Umno

MEGAT JUNID JELAJAH SELURUH NEGARA UTK DAPAT MAKLUMAT MENGENAI UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno yang baru, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, akan memulakan lawatan ke semua bahagian Umno tidak lama lagi bagi mengumpul maklumat terkini mengenai parti itu.

Megat Junid berkata beliau perlu kembali menjalin hubungan dengan Umno di semua bahagian memandangkan sudah dua tahun beliau tidak aktif dalam politik.

"Saya akan mengadakan pertemuan dengan semua ketua penerangan Umno peringkat bahagian bagi mendapatkan maklumat mengenai kekuatan dan kelemahan parti," katanya kepada pemberita selepas mengucap selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini hari ini.

Dr Mahathir melakukan lawatan kerja dua hari ke Jepun sebelum meneruskan lawatan rasmi ke Korea Selatan pada Rabu.

Megat Junid yang dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno baru-baru ini bagi menggantikan Datuk Mustapa Mohamed yang melepaskan jawatan itu pada 12 April lepas berkata Umno perlu memperbetulkan hal dalaman parti itu terlebih dahulu supaya ia kukuh daripada terlalu "menghiraukan" parti lain.

"Saya ini dua tahun sudah berehat. Saya terkeluar dari mainstream (arus perdana) Umno, jadi dah berkarat dah sikit, sebab itu tindakan saya yang pertama ialah akan melawat negeri-negeri untuk bertemu semua ketua-ketua penerangan bahagian dalam masa terdekat ini," katanya.

Megat Junid, bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata beliau bercadang mewujudkan kumpulan pemikir Umno bagi memastikan tidak wujud pertindihan pelaksanaan dan tanggungjawab selain mempunyai matlamat yang sama untuk kepentingan parti.

Usaha memperkukuhkan Umno penting bagi memastikan parti itu dapat memenangi pilihan raya umum akan datang.

Beliau tidak mahu kekalahan seperti yang berlaku ke atas dirinya di kawasan Parlimen Parit, Perak, dan Penasihat Agama Perdana Menteri Tan Sri Abdul Hamid Othman di Sik, Kedah pada pilihan raya Umum 1999 berulang lagi, walaupun kedua-dua kawasan itu mempunyai anggota Umno yang ramai.

"Ini menjadi tanda tanya, dengan sebab itu kalau kita tumpukan kepada usaha mengukuhkan rumahtangga Umno, Insyallah Umno akan dapat kemenangan besar dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Beliau berkata masalah lain yang menggugat kekuatan Umno pada pilihan raya umum 1999 kini semakin reda dan imej parti itu ketika ini lebih tinggi berbanding tahun 1999, antara lainnya disumbangkan oleh peranan Dr Mahathir di dalam negeri dan peringkat antarabangsa.

Mengenai pelantikannya sebagai Ketua Penerangan Umno, Megat Junid yang turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir mengakui terkejut dengan pelantikan berkenaan.

"Sayapun terkejut dengan pelantikan ini, bukan orang lain sahaja sebab saya tiada dalam negeri dan dia (Dr Mahathir) tak pernah bincang dengan saya... saya ingat saya nak berehat. I want to enjoy my retirement," katanya.

-- BERNAMA

RZS HK LAT